

Hubungan Malaysia-Kuwait kukuh

BH - 8/5/2007

Kerjasama ekonomi kedua-dua negara capai kemajuan berterusan: Najib

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berpuas hati dengan peningkatan hubungan dan kerjasama ekonomi Malaysia-Kuwait yang cukup menggalakkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Beliau berkata, hubungan itu menyaksikan pertumbuhan dan kemajuan berterusan dengan perdagangan dua hala meningkat 35 peratus.

“Pembukaan cawangan Kuwait Finance House di Malaysia pada Mei 2006 dan syarikat Kuwait KOFPEC rakan kongsi Petronas bagi operasi carigali petroleum di perairan Sabah adalah bukti kemajuan hubungan

ekonomi itu.

“Terdapat banyak peluang untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang ekonomi, pelancongan, kesihatan, pendidikan, teknologi maklumat dan komunikasi, dan sumber manusia,” katanya dalam wawancara eksklusif dengan Agensi Berita Kuwait (KUNA) di sini.

Wawancara itu membincangkan kemajuan hubungan kerjasama antara kedua-dua negara khususnya dalam bidang politik dan ekonomi.

Malaysia membuka kedutaannya di Kuwait pada 1974, manakala kedutaan Kuwait dibuka di Malaysia pada 1981.

“Malaysia yakin peluang pada ma-

FAKTA NOMBOR

Perdagangan dua hala
Malaysia-Kuwait

RM1.4b

Januari hingga Ogos 2006

RM1b

2005

sa ini terbuka untuk pelaburan secara menyeluruh bagi kedua-dua pihak... dengan menyediakan persekitaran yang membantu meliberalisasi perdagangan dan pertukaran komoditi tanpa birokrasi,” katanya.

Beliau berkata, Kuala Lumpur juga ingin meningkatkan hubungan antara wakil sektor swasta di kedua-dua negara kerana ia adalah pelengkap dalam kerjasama dua hala itu.

Timbalan Perdana Menteri juga menyifatkan hubungan diplomasi dengan Kuwait berada dalam keadaan sangat memuaskan yang menyaksikan kemajuan mapan dan berterusan.

Beliau berkata, hubungan ini di-

perkukuhkan dengan kunjungan Yang di-Pertuan Agong ke-12 Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada 16 Januari 2006 ke Kuwait untuk menyampaikan takziah ketika kemangkatan almarhum Emir Kuwait Syeikh Jaber al-Ahmad al-Jaber al-Sabah.

“Malaysia adalah antara negara awal yang mengecam penaklukan Iraq terhadap Kuwait ketika regim Saddam Hussein pada 1990,” katanya.

Najib memuji pemerintah baru Kuwait, Syeikh Sabah al-Ahmad al-Jaber al-Sabah kerana memajukan proses politik dan amalan demokrasi yang menjadi contoh baik di Timur Tengah. – Bernama